

Dr. M: Jika Komanwel mahu lebih bermakna

KUALA LUMPUR, Isnin — Komanwel akan lebih bermakna sekiranya negara-negara anggota boleh bekerjasama secara berkesan untuk mengatasi masalah bersama, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Persidangan-persidangan antarabangsa yang dihadiri oleh banyak negara tidak begitu banyak membawa hasil, kata Perdana Menteri kepada Ketua Setiausaha Agung Komanwel

yang sedang melawat negara ini, Sir Shridath Ramphal yang menemu beliau di pejabatnya di bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Turut hadir di pertemuan satu jam itu ialah Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan Setiausaha Rendah Hal-Ehwal Komanwel dan Eropah, Encik Anthony Yeo.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga memberitahu Sir Shridath bahawa kerjasama ekonomi ASEAN begitu berkesan kerana para

pemimpin negara-negara anggota boleh berseyuara dan membincang masalah bersama mereka dengan penuh pengertian.

Bergerak

Encik Yeo memberitahu, Perdana Menteri telah menekankan bahawa Malaysia tidak melupakan Komanwel, sebaliknya mahu melihat pertubuhan itu bergerak lebih bermakna lagi.

Kedua pemimpin itu memulakan per-

bincangan mereka dengan mengkaji kemerosotan kedudukan ekonomi antarabangsa dan Sir Shridath melahirkan harapan, Malaysia dapat menyumbang dengan memberi buah fikiran baru bagi menolong mengatasi masalah tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ini bergantung banyak kepada kemampuan negara-negara sedang membangun dalam Komanwel seperti Malaysia untuk ber-

dikari.

Beliau menegaskan tentang perlunya meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu dan berjimat.

"Kita perlu meneliti keadaan kita sendiri," katanya.

Sir Shridath berkata, idea berdikari dapat diterima oleh anggota-anggota Komanwel dan pertubuhan itu memerlukan buah fikiran yang baru dari Malaysia untuk mengatasi masalah itu. — Bernama.